

Ikan bawa petaka?

Penemuan oarfish dibimbangi petanda gempa bumi, tsunami



IKAN spesies oarfish yang ditangkap nelayan Thailand. FOTO Jam Press

HM 28/02/24 Mls 29

Agensi

Bangkok

Nelayan di Thailand menemui ikan spesies *oarfish* sepanjang 2.7 meter yang didakwa petanda tercetus gempa bumi dan tsunami.

Portal Metro UK melaporkan, kemunculan kedua dipanggil 'ikan gempa bumi' di Teluk Andaman, Thailand setakat tahun ini mencetuskan kebimbangan berlaku gempa bumi atau tsunami.

Oarfish, hidup di lautan dalam dan jarang dilihat manusia, malah ia mampu bertahan dengan kedala-

man 1,000 meter di dasar laut.

Ini bermakna haiwan ini cenderung mati lebih cepat jika naik ke perairan cetek dan badan mereka mengembang akibat tekanan.

Dalam mitologi Jepun, makhluk laut itu kadang-kala dipanggil 'ikan gempa bumi' dan dianggap 'petanda tragedi', muncul sebelum bencana alam atau penyakit berjangkit.

Enam daripada makhluk laut dalam itu dikeisan beberapa hari sebelum gempa bumi

maut membunuh enam mangsa dan mencederakan lebih 120 di selatan Filipina pada 2017.

Ikan seberat 8.6 kilogram diangkat ke atas kapal nelayan di Laut Andaman, lapan batu nautika dari Phuket, Thailand.

Bangkai itu didapati dalam keadaan baik, selain ada luka kecil di kepalanya, menurut pihak berkuasa.

Pakar juga menganalisis bangkai seekor lagi ikan oarfish yang ditemui di luar Wilayah Satun, lebih jauh ke selatan di

pantai Andaman Thailand, pada 4 Januari lalu.

Kedua-duanya dipamerkan di muzium tempatan sebaik sahaja pegawai menyelesaikan penyelidikan.

Penemuan pada 4 Januari itu mencetuskan kebimbangan mengenai bencana yang berlaku dalam kalangan mereka yang percaya ikan oarfish sebagai petanda malang.

Penduduk di kawasan tempat ia ditemui berkata, jika menemui ikan oarfish di sekitar Satun, ia mungkin menunjukkan kebimbangan berpotensi gempa bumi di sepanjang pantai Andaman.

Oarfish, hidup di lautan dalam dan jarang dilihat manusia